

03/01/2000

Muhammad belum buat keputusan bertanding

KUALA LUMPUR, Ahad - Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, yang kini bercuti daripada menjalankan tugas parti, belum membuat keputusan mempertahankan jawatan itu.

"Saya belum ada kenyataan dan tengah berfikir...saya akan putus satu masa nanti," katanya ketika diminta mengulas kesediaan dua menteri Kabinet yang sedia bertanding jawatan itu sekiranya dicalonkan.

Semalam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, masing-masing sedia bertanding jawatan itu.

Dr Rais yang baru kembali dalam arus perdana politik tanah air berkata, beliau sedia menimbang perkara itu jika ia akan mengukuhkan kesatuan dan perpaduan Umno, khususnya orang Melayu.

Syed Hamid pula berkata, beliau sudah biasa bertanding jawatan itu dan bertekad melaksanakan tanggungjawab bertanding sekiranya mendapat sokongan dan kepercayaan anggota parti.

Sementara itu, Umno bahagian Cheras menyatakan sokongan kepada Dr Rais untuk bertanding jawatan Naib Presiden pada pemilihan akan datang.

Ketuanya, Syed Ali Alhabshee, berkata sokongan berkenaan berdasarkan penilaian terhadap komitmen Dr Rais yang dilantik semula menganggotai Kabinet oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Keputusan itu dicapai selepas berunding dengan pemimpin Umno bahagian selepas Dr Rais sendiri menyatakan hasrat beliau untuk menawarkan diri bertanding.

"Selain arif dalam soal undang-undang, Dr Rais juga bukan muka baru dalam Umno meskipun pernah 'bercuti panjang' daripada jawatan parti dan kerajaan," katanya.

DI KANGAR, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, sedia bertanding jawatan Naib Presiden Umno sekiranya mendapat sokongan dan kepercayaan ahli Umno pada pemilihan parti, tahun ini.

Katanya, beliau tidak akan menawar diri merebut jawatan itu, sebaliknya hanya bertanding jika dicalonkan demi memenuhi amalan demokrasi yang menjadi pegangan Umno selama ini.

"Kalau ada pencalonan, saya sedia bertanding. Itu amalan demokrasi dalam parti," katanya ketika ditanya sama ada akan bertanding jawatan Naib Presiden Umno yang kini masing-masing disandang Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Muhammad.

Setakat ini, Shahidan adalah Menteri Besar pertama menyatakan kesediaan bertanding jawatan Naib Presiden.

Kerusi Naib Presiden Umno dijangka berubah dalam pemilihan parti tahun ini yang mana keputusan pilihan raya umum lalu dikatakan menjadi antara faktor yang memberi pengaruh.

Selain itu, Abdullah yang sedang menjalankan tugas Timbalan Presiden berkemungkinan besar dicalonkan ke jawatan itu manakala Muhammad yang diarah bercuti daripada jawatan Naib Presiden tidak dicalonkan pada pilihan raya lalu.

(END)